

22 APR 1997

Hassan-MB

MB: PERHUBUNGAN SERAH KEPADA DR MAHATHIR DAN SULTAN

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Selangor menyerahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Selangor untuk melantik Menteri Besar baru negeri itu.

Timbalan Pengerusi badan itu Datuk Abu Hassan Omar berkata tidak perlu bagi badan itu mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan calon yang patut dilantik untuk menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang meletakkan jawatan itu pada 14 April lepas.

"Kita seperti juga dengan anggota Exco Kerajaan Negeri, akan sebulat suara menyokong dan memberi kerjasama kepada sesiapa sahaja yang dilantik sebagai Menteri Besar yang baru," kata Abu Hassan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, selepas melancarkan Buku Laporan Tahunan Pejabat Pendaftar Syarikat di sini hari ini.

Beliau berkata Umno negeri yakin Dr Mahathir dan Sultan dapat membuat pilihan calon yang sesuai dan dapat diterima oleh rakyat di Selangor dan anggota parti di negeri itu.

Semalam Dr Mahathir telah menghadap Sultan Selangor yang dipercayai berkaitan calon bagi mengisi kekosongan jawatan Menteri Besar itu. Bagaimanapun pada persidangan media selepas itu Dr Mahathir berkata beliau memerlukan sedikit masa lagi sebelum memilih calon yang sesuai untuk dikemukakan kepada Sultan.

Peletakan jawatan Muhammad diumumkan oleh Dr Mahathir selaku Presiden Umno selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti itu pada 12 April lepas.

Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad juga meletak jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun beliau terus memegang jawatan Naib Presiden Umno dan Anggota Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Batang Kali.

Muhammad menghadapi tuduhan di mahkamah Brisbane, Australia, kerana didakwa tidak mengisytiharkan wang bersamaan nilai RM2.4 juta semasa hendak meninggalkan negara itu pada 22 Dis lepas. -- BERNAMA

SJA NMO